

Anwar marah kelewatan projek 5G, MyDigital ID

PM anggap cuai, jejaskan kemajuan negara realisasi agenda transformasi

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Datuk Seri Anwar Ibrahim mengakui berang dengan kelewatan projek MyDigital ID dan rangkaian kedua 5G menyebabkan beliau melepaskan kemarahan yang agak keras dalam satu mesyuarat kelmarin.

Perdana Menteri berkata, pelaksanaan MyDigital ID terlambat selama setahun, manakala rangkaian 5G kedua masih tertangguh kerana rundingan untuk projek itu tidak mendapat respons positif daripada Digital Nasional Bhd (DNB) dan syarikat telekomunikasi.

Tindakan itu kata Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan mengundang rasa terkejut kepada kalangan mereka yang hadir, termasuk menteri Kabinet.

"Ada hal rumit yang berbangkit menyebabkan saya kurang sa-

bar dalam dua tahun ini. Saya melahirkan rasa kemarahan agak keras sedikit (kelmarin).

"Kadang-kadang harapan kita tinggi, maknanya MyDigital ID pelaksanaannya terlambat hampir setahun. Kemudian urusan rundingan DNB (Digital Nasional Berhad) dengan syarikat telco (telekomunikasi) juga tertangguh," katanya berucap pada perhimpunan bersama kakitangan Kementerian Kewangan (MOF), di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan.

Mengulas lanjut, Anwar berkata, kemarahan itu diluahkan ketika mempengerusikan Mesyuarat Majlis Ekonomi Digital dan Revolusi Perindustrian Keempat Negara (MED4IRN) yang berlangsung kelmarin.

"Ingatan kita satu tahun dulu belum dijawab secara positif oleh kedua-dua pihak (DNB dan telco), ini menyebabkan saya hilang kesabaran.

"Tapi saya harus ingat juga bahawa (saya) marah terutama yang hadir menunjukkan saya juga ada kekurangan sebagai orang biasa, ada harapan tinggi, yang menggunung. Jadi, bila tak kesampaian, saya sampaikan (kemarahan itu).

"Teman-teman yang hadir itu agak terkejut dengan sikap saya.



Anwar tiba pada perhimpunan bersama kakitangan Kementerian Kewangan di Putrajaya, semalam. Turut kelihatan Amir Hamzah (kanan).

(Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

Sebab apa? Kita sudah lakukan sebaiknya," katanya turut memohon maaf kepada pihak yang terkesan atas keterlambatan sikapnya kelmarin.

Antara menteri Kabinet yang hadir dalam mesyuarat itu semalam ialah Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil; Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli; Menteri Digital, Gobind Singh Deo serta Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz.

Selain itu, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Chang Lih Kang; Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP), Datuk Ewon Benedick serta Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek.

Anwar menegaskan, kelewatan kedua-dua projek itu disifatkan sebagai cuai dan menjejaskan kemajuan negara dalam merealisasikan agenda transformasi digital.

"Kerja itu yang saya anggap cuai, lambat kerana bagi saya bagaimana digital kita nak bawa kepada AI (kecerdasan buatan), padahal perkara asas yang patut kita bina dalam negara belum kita siapkan," katanya.

Perdana Menteri berkata, pelaksanaan kedua-dua projek itu

adalah penting dan perlu digerakan kerana negara akan mempengerusikan ASEAN tahun hadapan, yang antara lain memfokuskan kepada agenda Grid Tenaga ASEAN, rangkaian digital dan teknologi makanan.

"Jadi, kita kena bangkit sebagai negara yang punya keupayaan dan menjadi contoh. Saya fikir masa dua tahun itu masa yang cukup untuk mempersiapkan semua ini," katanya.

Pacu infrastruktur digital

MyDigital ID ialah satu inisiatif kerajaan bagi pengesahan identiti secara selamat dan sah untuk pengguna dalam talian yang dibangunkan sejak 2016.

Rangkaian 5G kedua pula merujuk kepada infrastruktur 5G tambahan melengkapi model Rangkaian Borong Tunggal (SWN) sedia ada disediakan DNB.

Ia disediakan bertujuan merapatkan jurang digital dan memacu infrastruktur digital yang lebih baik, jangkauan lebih luas, terutama di kawasan kurang mendapat perkhidmatan di luar bandar.

Fahmi pada sidang media baru-baru ini sudah meminta Su-

ruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) mendapatkan pelan perancangan seterusnya daripada U Mobile Sdn Bhd (U Mobile) berhubung proses pelaksanaan rangkaian 5G kedua di negara ini.

Langkah itu menurut Fahmi adalah susulan agensi berkenaan memberi kebenaran kepada U Mobile untuk mengadakan perbincangan strategik dengan syarikat penyedia perkhidmatan telekomunikasi yang lain (MNO).

Berkenaan MyDigital ID, Anwar pada 21 November tahun lalu, mengumumkan peruntukan segera sebanyak RM80 juta kepada agensi penyelidikan dan pembangunan (R&D) Mimos Bhd, untuk menyegerakan pelaksanaan Digital ID dan memperkasa transformasi digital serta membangunkan inisiatif digital khususnya membabitkan urusan dengan kerajaan.

Beliau juga menjelaskan pendaftaran MyDigital ID adalah langkah awal dalam pemberian subsidi bersasar serta pelbagai kemudahan lain oleh jabatan kerajaan dan pihak swasta.

Namun, setakat November lalu, media melaporkan hanya 1.2 juta pengguna sudah mendaftar di bawah MyDigital ID.